

No. Rujukan : LIPM: SPN/BPKB/01/01/4 (14)
Tarikh : 25 Julai 2025



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
IBU PEJABAT
Tingkat 11, CIDB 520
The MET Corporate Towers
No. 20, Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur
Careline: +603 5567 3300
E: www.cidb.gov.my

KEPADA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN KEPERLUAN NO OBJECTION LETTER (NOL) DARI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP MALAYSIA (KPDN) BAGI PENGIMPORAN PRODUK SIMEN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan usaha CIDB dalam menyelaraskan prosedur import bersama agensi lain yang berkaitan, sekiranya terdapat mana-mana syarikat yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti import produk simen, syarikat berkenaan hendaklah mendapatkan *No Objection Letter* (NOL) daripada KPDN sebelum membuat permohonan *Certificate of Approval* (COA) dengan CIDB. Prosedur untuk memohon NOL adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Keperluan ini dikuatkuasa bagi produk yang berikut:

Bil	Jenis Simen	Tariff code	Standard
1.	Simen Portland		
	i. Semua jenis Simen Portland Putih	2523.21.00 00	MS 888
	ii. Selain semua jenis Simen Portland putih (simen bewarna)	2523.29.10 00	MS EN 197-1
	iii. Lain-lain	2523.29.90 00	Standard diisytiharkan pengimport.
2.	Simen Alumina	2523.30.00 00	BS EN 14647
3.	Simem Hidraulik lain	2523.90.00 00	MS EN 197-1

4. Perlaksanaan ini berkuatkuasa serta-merta selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh KPDN seperti dinyatakan di laman sesawang berikut: <https://www.kpdn.gov.my/ms/info-korporat/bahagian/tksu/sektor-barang-kawalan-dan-subsidi/bahagian-subsidi-dan-bekalan/barang-barang-kawalan>. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung melalui email kami di qpass@cidb.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BINA SEMPURNA"

Ts. NOR HAMIZA ZAHAR

Pengurus Kanan

Bahagian Pematuhan Kualiti Binaan

b.p Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

No. Rujukan : LIPM: SPN/BPKB/01/01/4 (14)
Tarikh : 25 Julai 2025

**PEMAKLUMAN BERKENAAN KEPERLUAN *NO OBJECTION LETTER* (NOL) DARI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP MALAYSIA (KPDN)
BAGI PENGIMPORTAN PRODUK SIMEN**

salinan kepada:

1. Pengarah
Bahagian Subsidi Dan Bekalan
Aras 4 (Menara),
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup,
No. 13, Persiaran Perdana
62623, W.P Putrajaya
(u/p: En Mohd Yusri bin Yusuf)

2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Menara MITI,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur.
(u/p: En Faizal Mohd Yusof)



LAMPIRAN 1

2017

Standard Operation Procedure (SOP)

**KEBENARAN IMPORT
SIMEN**

**Melalui Kebenaran
Bertulis KPDNKK
& COA CIDB
@ ePermit**

1 Jun 2017



KEBENARAN IMPORT SIMEN

1. LATAR BELAKANG

- Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2017 telah bersetuju dengan cadangan untuk menjadikan **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)** sebagai *custodian* kepada **dasar pengimportan simen** berkuat kuasa mulai **1 Jun 2017**.
- Sealaras dengan keputusan tersebut, pengeluaran ***Certificate of Approval (COA)*** **bersyarat dikekalkan** di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

2. TATACARA PERMOHONAN

- Pengimportan simen yang memenuhi standard (piawaian) yang ditetapkan oleh CIDB memerlukan **kebenaran bertulis daripada KPDNKK serta COA yang dikeluarkan oleh CIDB**.

- Permohonan secara bertulis boleh dikemukakan ke:

**Pengarah
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
Aras 4 (Menara)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan
No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, 62623 Putrajaya,
Malaysia.**


- Pemohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:
 - (i) Surat permohonan daripada syarikat pengimport menggunakan kepala surat (*letterhead*) syarikat menyatakan tujuan pengimportan, kuantiti, negara yang diimport, jenis simen serta kod tarif (HS code), jumlah yang ingin diimport dalam unit tan metrik dan tarikh jangkaan ketibaan (*estimated time of arrival* - ETA) produk (templat surat permohonan adalah seperti di **Lampiran**);
 - (ii) Pesanan Tempahan (*Purchase Order*)/ Sebutharga/ Invois daripada pembekal;
 - (iii) Lesen Borong/ Runcit atau Permit Barang Kawalan Berjadual yang dikeluarkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 oleh KPDNKK.

- Setelah mendapat kelulusan bertulis (Surat Tiada Halangan – *No Objection Letter*) daripada KPDNKK, pemohon perlu memohon COA secara atas talian di laman web www.newepermit.dagangnet.com;
- Bagi pemohon **baru** (kali pertama) yang tidak pernah mempunyai akaun di laman web epermit dagangnet, pemohon perlu mendaftar terlebih dahulu secara atas talian di reg.dagangnet.com;
- Setelah mempunyai katanama (ID) dan kata laluan (*password*) untuk sistem dagangnet, pemohon perlu memohon COA secara atas talian di newepermit.dagangnet.com.my dan memilih modul **epermit – CIDB**

Sebarang pertanyaan/ aduan berhubung sistem bolehlah diajukan kepada:

DagangNet Technologies Sdn Bhd
Pusat Perkhidmatan Pelanggan @ Careline,
Tower 3, Avenue 5, The Horizon, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur

Waktu Beroperasi : 24 jam (7 hari seminggu)
Telefon : 1-300-133-133 (Careline)/ 03-2730 0200 (Talian Am)
Faks : 03-2713 2990/ 2121
Emel : info@dagangnet.com
Laman Sesawang : www.dagangnet.com



Sebarang maklumat lanjut berhubung permohonan kebenaran import simen bolehlah diajukan kepada:

**Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
Aras 4 (Menara),
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan
Presint 2, 62623 Putrajaya**

Pegawai yang boleh dihubungi:

- 1) **Zalirizal bin Abdul Rahman**
☎ : 03-8882 5841
✉ : zalirizal@kpdnkk.gov.my
- 2) **Muzaireen binti Muzafar**
☎ : 03-8882 6069
✉ : muzaireen@kpdnkk.gov.my
- 3) **Fariha Shahida binti Ibrahim**
☎ : 03-8882 6989
✉ : fariha@kpdnkk.gov.my
- 4) **Noor Azlina binti Mohd Noor**
☎ : 03-8882 5987
✉ : noorazlina@kpdnkk.gov.my
- 5) **Azwan bin Mansor**
☎ : 03-8882 5918
✉ : azwanmansor@kpdnkk.gov.my

LAMPIRAN

TEMPLAT SURAT PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENGIMPORT PRODUK SIMEN

[KEPALA SURAT (LETTERHEAD) SYARIKAT]

Ruj: Fail:

Tarikh:

Pengarah
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
Aras 4 (Menara),
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan
No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, 62623 Putrajaya,
Malaysia.

Tuan,

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN MENGIMPORT PRODUK SIMEN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa *(nyatakan nama syarikat)* berhasrat untuk mengimport produk simen daripada jenis *(nyatakan jenis simen)* di bawah kod tarif *(nyatakan HS code bagi simen tersebut)* dari *(nyatakan negara asal simen yang diimport)* sebanyak *(nyatakan jumlah)* tan metrik untuk kegunaan *(nyatakan tujuan mengimport)* Untuk makluman tuan juga, simen yang akan diimport ini dijangka akan tiba di Malaysia pada *(nyatakan ETA)*

3. Sehubungan itu, sukacita pihak kami ingin memohon kebenaran mengimport dan seterusnya mendapatkan Surat Tiada Halangan (NOL) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Bersama-sama ini disertakan dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan tersebut.

4. Kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

.....
(Nama & Jawatan Dalam Syarikat)